

RAGUT



● Kaedah bawa beg tangan yang mendatangkan kecederaan serius jika diragut.

OLEH: AHMAD NORMAN ABU TALIB

SABAN hari kita dikejutkan dengan berita berhubung jenayah ragut yang berleluasa dan mengikut statistik pada tahun 2008 sebanyak 26 kes dilaporkan berlaku setiap hari di negara ini.

Sungguh menakutkan! Kerana kes ragut ternyata membimbangkan masyarakat kerana ia bukan sahaja melibatkan kerugian, namun kematian. Peragut hari ini sudah tidak berperikemanusiaan sehingga tergamak mengorbankan jiwa

Kenapa berlaku?

Suka atau tidak, kita harus percaya bahawa kes ragut sentiasa berlaku kerana terdapat permintaan dari masyarakat serta sikap orang ramai yang memandang rendah mengenai perkara sebegini.

Daripada apa yang kita lihat, sikap masyarakat yang sering berfikir bahawa dirinya tidak akan menjadi mangsa menyebabkan sebahagian daripada kita tidak berwaspada setiap kali berada di luar rumah, terutama ketika berada di tempat yang sunyi. Seharusnya kita perlu beringat peragut tidak mengenal mangsanya. Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa, termasuk anda, ibu dan bapa kita, anak-anak, saudara mara dan jiran tetangga kita.

Malah, lebih mengejutkan, ada di antara kita yang menjadi penyumbang kegiatan ragut terus berterusan dengan membeli barangan yang dijual penjenayah yang meraih pulangan dengan cara yang singkat dan salah.



Lokasi pilihan peragut

- Di lorong atau jalan yang sunyi dan gelap
- Perhentian bas
- Di tempat-tempat awam seperti pasar
- Di hadapan rumah.
- Di hadapan bank atau mesin ATM

Kaedah ragut

Terdapat dua jenis kaedah ragut iaitu membuat pemerhatian terlebih dahulu terhadap

Tips elak menjadi mangsa ragut

- Sentiasa membimbit atau mengepit beg tangan dan tidak disangkut atau disandang pada baju supaya ia lebih sukar diragut dan jika berlaku juga boleh mengelak dari berlaku kecederaan seperti diseret.
- Sentiasa membawa wang secara minimum.
- Tidak memakai barang kemas terlalu banyak kerana ia boleh menjadi tumpuan.
- Elakkan dari berjalan di tempat sunyi seorang diri seperti di dalam lif
- Jika berjalan di atas jalan raya, seboleh-bolehnya ikutlah laluan bertentangan dan membimbit beg dengan tangan kanan.
- Menyembunyikan wang agar tidak dilihat kerana boleh

tergambar mengorbankan jiwa orang lain asalkan niat mereka tercapai.

Semua itu dapat dilihat daripada kejadian sebelum ini di mana terdapat ibu bapa yang kematian anak, suami kehilangan isteri dan sebaliknya, malah anak hilang tempat bergantung kerana ibu atau bapa yang maut gara-gara perbuatan tidak berperi kemanusiaan itu.

Bagaimanapun, sejak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) memperkenalkan 'hotspot' Ogos tahun ini, kes ragut berjaya dikurangkan kepada 19 kes sehari seluruh negara.

'Hotspot' yang mempunyai kadar kejadian jenayah jalan-an termasuk samun dan ragut yang tinggi sebelum ini menjadi tumpuan pihak berkuasa bagi mengurangkan ketakutan masyarakat yang merasakan keadaan sekeliling mereka kini ibarat sudah tidak selamat untuk dihuni.

Bukan itu sahaja, kekerapan rondaan polis peronda juga dipertingkatkan demi memastikan kejadian ragut dapat dikurangkan sekali gus berjaya mengelakkan orang ramai daripada terus menjadi mangsa.



Bagaimana mereka bermula?

Jika diteliti, peragut biasanya meragut secara berdua menggunakan motosikal kerana memudahkan mereka untuk melarikan diri dengan penunggang mengawal motosikal dan pembonceng akan meragut mangsa, malah mereka biasanya sudah arif selok belok sesuatu kawasan itu bagi memudahkan mereka melarikan diri selepas meragut.

Sasaran peragut

- Wanita (beg tangan, rantai dan barang kemas)
- Remaja (telefon bimbit)
- Kanak-kanak (rantai emas)-

an terlebih dahulu terhadap mangsa ataupun terus meragut. Selalunya ragut terjadi dalam tiga arah iaitu:

1 Belakang (paling popular)

Peragut akan mengekori mangsa dari belakang dan apabila tiba masa sesuai mereka akan meragut mangsa dan terus melarikan diri secara kebiasaannya bermotosikal.

2 Depan

Peragut akan berpura-pura bertanyakan sesuatu atau meminta pertolongan mangsa sebelum melarikan rantai ataupun beg.

3 Sisi

Berhati-hati ketika berada di restoran atau lampu isyarat kerana di lokasi juga menjadi tumpuan peragut dari sisi.

Sebagai contoh, terdapat kes dilaporkan di mana peragut nekad memecahkan cermin kereta ketika lampu isyarat merah dan merampas beg tangan wanita.

Sebagai langkah berjaga-jaga, pemandu boleh letakkan barang berharga di tempat selamat contohnya di bawah tempat duduk pemandu dan bukannya di tempat duduk penumpang.

- Menyembunyikan wang agar tidak dilihat kerana boleh menjadi perhatian peragut.
- Jika boleh elakkan memakai beg tangan bertali panjang kerana ianya pilihan peragut.
- Bawa wang atau beg jika perlu sahaja.

Sebagai individu yang sering terdedah dengan kegiatan jenayah ini, kita seharusnya mengambil langkah pencegahan daripada awal agar tidak menjadi salah seorang daripada penambahan statistik mangsa ragut kerana peragut di luar sana sentiasa membuka mata, memasang telinga, serta mengaktifkan minda mereka untuk mencari jalan agar dapat menjadikan anda, mangsa mereka yang seterusnya.

Sikap sambil lewa yang sering kita bawa selama ini, seharusnya dibuang jauh-jauh, agar kejadian ragut bukan sahaja dapat dihindari sebaliknya dapat dihapuskan jika ada kesedaran dalam diri sendiri.

Bak kata pepatah, beringat sebelum kena adalah langkah terbaik

untuk mencegah kegiatan yang tidak dingini daripada terus berlaku kepada diri sendiri, keluarga, saudara mara dan orang tersayang.

Sumber:

Penganalisis jenayah, Kamal Efendi Hashim



• Peragut akan menarik beg daripada pelbagai arah.